

# Jawatan Naib Presiden dan ahli MT Perwakilan buat keputusan terbaik

BH - 2 DEC 1990

KUALA LUMPUR: Perwakilan membuat keputusan terbaik dalam pemilihan jawatan Naib Presiden dan ahli Majlis Tertinggi (MT), dengan memberi pertimbangan kepada pemimpin lama dan baru, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, pemilihan kali ini juga menunjukkan bahawa perwakilan tidak memberi undi berasaskan sentimen yang kuat kepada seseorang calon, sebaliknya mereka lebih mengutamakan parti.

Presiden Umno itu berkata, kalau tidak diganggu dengan cara yang tidak baik, perwakilan memang bijak membuat pemilihan kerana mereka dapat mengenal pasti pemimpin baru yang perlu diketengahkan dan pada masa yang sama, tidak menyetepikan orang lama.

"Mereka mahu mengekalkan lebih ramai orang lama, di samping menambah kemiskinan orang baru," katanya kepada pemberita di sini semalam ketika diminta mengulas mengenai keputusan pemilihan jawatan MT.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, perwakilan akan terkeliru dan membuat pemilihan yang tidak betul jika mereka diganggu dengan cara yang tidak baik.

"Tahun ini nampaknya mereka membuat

keputusan amat baik dan saya mengucapkan tahniah kepada mereka yang menang. Bagi mereka yang kalah pula hendaklah bersikap terbuka kerana keputusan itu adalah pemilihan perwakilan. Mereka mesti terus memberi sokongan kepada yang menang," katanya.

Beliau yakin ketiga Naib Presiden yang menang boleh bekerjasama walaupun sebelum ini ada pelbagai tuduhan dibuat mengenai calon yang bertanding jawatan itu.

"Saya percaya Umno akan merapatkan barisan dan memberi sokongan kepada semua yang menang. Bahkan daripada tepukan perwakilan, kita nampak semuanya menerima keputusan yang dibuat," katanya.

Tiga Naib Presiden yang terpilih ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Sanusi Junid.

Mengenai ketiadaan wakil Menteri Besar dalam jawatan ketiga penting parti itu dan pemilihan calon dari Utara, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata sebenarnya tidak wujud wakil Menteri Besar dalam MT, sebaliknya semua yang dipilih itu adalah pemimpin Umno.

"Umno adalah satu dan tidak timbul soal wakil Menteri Besar atau orang yang tidak ada jawatan dalam kerajaan, termasuk wa-

kil Utara, Selatan, Timur dan Barat.

"Dari mana dan golongan mana seseorang pemimpin itu datang tidak penting, asalkan diberi kepercayaan penuh oleh perwakilan, maka mereka adalah pemimpin Umno di peringkat kebangsaan," katanya.

Menurutnya, pemilihan ketiga Naib Presiden yang semuanya dari Utara adalah secara kebetulan saja dan mereka tetap dianggap oleh perwakilan sebagai pemimpin Umno.

Menjawab soalan, Datuk Seri Dr Mahathir juga menolak kemungkinan berlaku rombakan Kabinet berikutan keputusan pemilihan tiga Naib Presiden Umno yang baru.

Perdana Menteri juga berkata, seseorang yang dipilih menjadi Naib Presiden parti itu tidak semestinya memegang jawatan dalam kerajaan.

Datuk Abdullah Ahmad Badawi adalah satu-satunya daripada tiga Naib Presiden yang baru dipilih yang tidak mempunyai jawatan dalam kerajaan sekarang.

Sementara itu, Timbalan Presiden, Encik Ghafar Baba, pula menyifatkan keputusan pemilihan kali ini menunjukkan wujud aliran baru di kalangan perwakilan dalam memilih pemimpin dengan menolak semangat kedaerahan dan kenegerian.